

20 JUN 2003

Chua-IKS

KEMENTERIAN AKAN BANGUNKAN IKS DALAM SEKTOR KESIHATAN DI KAMPUNG

SEREMBAN, 20 Jun (Bernama) -- Kementerian Kesihatan akan membangunkan industri kecil dan sederhana (IKS) yang melibatkan sektor kesihatan dan perubatan tradisional di kawasan kampung di seluruh negara.

Menterinya Datuk Chua Jui Meng berkata, beliau akan berbincang dengan pegawainya mengenai perkara ini.

"Saya rasa kita perlu wujudkan aktiviti tradisional di kampung-kampung yang ada kaitan dengan kesihatan dan perubatan tradisional," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Perundingan SMI cawangan Negeri Sembilan (NS Nasmic) di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi NS Nasmic Datuk Dr Yeow Chai Thiam.

Chua yang juga Pengerusi Nasmic berkata, sumber asli yang banyak terdapat di negara ini perlu dibangunkan dari aspek bioteknologi, khususnya tumbuhan dan herba sebagai ubat-ubatan, makanan dan produk kesihatan.

Ia juga adalah langkah Kementerian Kesihatan menyokong saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya satu kampung satu produk, katanya.

"Di Thailand, misalnya urutan tradisional dimajukan dan masyarakat yang terlibat diberi latihan kerana ia dilihat dapat memberikan pendapatan baik kepada penduduk, begitu juga dengan ubat-ubatan dan kosmetik, turut dimajukan," katanya.

Katanya, IKS memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi sesuatu negara termasuk Malaysia.

"D Japun, 98 peratus ekonominya disokong oleh IKS. Barangan keluaran syarikat multinasional seperti Sony, Matsushita, Toyota dan sebagainya banyak bergantung kepada IKS.

"Setiap komponen kereta, radio, televisyen yang dikeluarkan atas jenama syarikat multinasional dihasilkan oleh syarikat IKS," katanya.

Menyedari hakikat itu, kerajaan Malaysia memberi tumpuan khusus kepada IKS di negara ini dengan menyedai pelbagai insentif dan bantuan.

"Malah dalam pakej strategi baru ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri baru-baru ini, RM3 bilion dikhususkan kepada IKS iaitu RM1 bilion untuk Tabung Makanan, RM1 bilion untuk Skim Mikro Kredit dan RM1 bilion kepada IKS dan Tabung Usahawan Baru," katanya.

Nasmic akan mengadakan siri 11 seminar bermula bulan depan untuk menerangkan bentuk bantuan yang diberikan kerajaan kepada usahawan IKS kerana masih ramai yang belum mengetahui dengan jelas bentuk bantuan dan syarat yang dikenakan," katanya.

Dalam ucapannya sebelum ini, Chua meminta usahawan IKS bersiap sedia menghadapi cabaran Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Katanya, kualiti produk yang dihasilkan haruslah memenuhi pawaian yang ditetapkan, berdaya saing, berjenama dan bersesuaian dengan budaya masyarakat sasaran mereka," katanya.

--BERNAMA

APG ZB